

# Sungai jadi cetek akibat cuaca panas

**GUA MUSANG** – Cuaca panas berpanjangan sejak tiga bulan lalu menyebabkan paras air sebatang sungai di sini semakin surut sehingga memberi kesan kepada aktiviti riadah penduduk.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, Sungai Ketil di sini mengalami perubahan sangat ketara sehingga airnya surut dan menampakkan beting pasir serta batu-batuan di dasarnya.

Seorang penduduk, Mazila

Shariff, 36, berkata, jika sebelum ini sungai berkenaan mempunyai kedalaman sehingga 1.5 meter namun ketika ini ia sekadar 0.5 meter.

Katanya, situasi tersebut meresahkan penduduk kerana ia adalah satu-satunya sungai air jernih di kawasan itu dan menjadi tumpuan orang ramai sebagai lokasi riadah.

“Selain itu, Sungai Ketil juga menjadi sumber air utama

penduduk sekitar yang terputus bekalan (air bersih) untuk mandi dan membasuh pakaian,” katanya di sini semalam.

Pekerja swasta, Mohd. Firdaus Mohd. Naim, 21, pula berkata, cuaca panas ketika ini telah menyebabkan ramai penduduk mandi secara lebih kerap di sungai berkenaan.

“Saya bagaimanapun bimbang paras air sungai ini akan terus merosot,” katanya.



**ORANG** ramai masih berkunjung ke Sungai Ketil, Gua Musang walaupun paras air sungai itu menyusut sehingga satu meter semalam.